

**GERADUAN BERMUTU:**  
Muhamad Hidayat  
Rahim (kiri) Ananda A/L  
Poovindran dan Lye Ming  
Min muncul penerima  
Anugerah Pingat Emas,  
Presiden dan Akademik  
sempena konvokesyen  
ke-4 MSU, baru-baru ini.

agement &  
ce university

SU

ent &  
versity



BH 22/7/08  
M/S 16

# Peluang pendidikan

MSU jadi pilihan pelajar i  
program keperluan indus



kan tinggi

ikuti  
stri



Bicara

CANSELERI

*Ikuti bicara Presiden Management & Science University (MSU) dan Kumpulan Kolej PTPL, Prof Datuk Mohd Shukri Ab Yajid mengenai peluang kedua pelajar gagal ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan mengikuti program diminati mencapai cita-cita meneruskan pengajian tinggi kepada wartawan Pendidikan Berita Harian, Norliza Abdullah.*

**L**EPASAN sekolah generasi baru kini lebih cerdik dan pintar. Maklumat yang diperoleh daripada pelbagai sumber, antaranya internet memudahkan mereka mengumpul data membuat sesuatu keputusan.

Malah mereka mampu memilih program pengajian yang sesuai mengikut keperluan industri semasa dalam menjamin kerjaya yang lebih mantap.

Sejak kebelakangan ini, lepasan sekolah yang mempu-

nyai impian dalam mengejar cita-citanya semakin teliti dalam memilih institusi pengajian tinggi (IPT).

Walaupun tempat yang disediakan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) terhad namun kekangan itu tidak membantutkan usaha mereka mengejar impian kerana IPT swasta (IPTS) turut menyediakan perkhidmatan pendidikan berkualiti.

Sebagai contoh, pelajar yang gagal mengikuti program farmasi dan ditawarkan

FAKTA NOMBOR

MSU dan Kolej PTPL

**17,000**  
pelajar

Jumlah keseluruhan

**5,390**  
pelajar

Mengikuti pelbagai program di MSU

**11,610**  
pelajar

Mengikuti pelbagai program pengajian di Kolej PTPL

**11**  
Lokasi

Kampus cawangan Kolej PTPL seluruh negara

program lain di IPTA akan menolak tawaran berkenaan sebaliknya mendapatkan tempat di IPTS bagi program berkenaan. Keputusan yang diambil itu dilihat wajar kerana pelajar mempunyai persepsi IPTS setanding IPTA.

Kesedaran sedemikian penting kerana lepasan sekolah sudah mampu membuat keputusan dalam usaha menambah jumlah tenaga kerja profesional dalam bidang yang berdaya saing. Langkah ini sebagai menyahut cabaran kerajaan menerusi Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara menjelang 2020.

Bagi Management & Science University (MSU) sendiri, permohonan daripada lepasan sekolah untuk mengikuti program sungguh menggalakkan. Sebagai contoh, ketika MSU masih bertaraf kolej universiti satu setengah tahun yang lalu, jumlah permohonan yang diterima sekitar 2,000.

Kenaikan taraf kepada universiti penuh membolehkan MSU mencatatkan lonjakan yang sungguh baik iaitu sekitar 6,000 permohonan walaupun pihaknya hanya menyediakan 3,000 tempat bagi sesi akademik 2008/2009 bagi tiga pengambilan setahun.

Sejak MSU memperkenalkan pelbagai program berasas-

kan sains kesihatan antaranya perubatan, farmasi dan kejururawatan jumlah permohonan terus meningkat.

Jika sebelum ini, lepasan sekolah memilih IPTA disebabkan jaminan pembinaan daripada agensi berkaitan antaranya Jabatan Perkhidmatan Awam, Mara dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Kini zaman sudah berubah, sumber kewangan bagi membiayai kos pengajian mudah diperoleh walaupun membabitkan pelajar IPTS yang diiktiraf kerajaan. Kos pengajian tidak lagi menjadi satu halangan untuk pelajar meneruskan pengajian.

Kami yakin, ibu bapa kini yang rata-ratanya memperoleh pendapatan lebih lumayan sudah mula sedar dan bersedia dengan tabungan pendidikan anak masing-masing. Persiapan ini memudahkan mereka menghantar anak ke IPTS bagi mengikuti program pengajian berkualiti.

Sebagai menyahut tanggungjawab sosial, MSU turut menawarkan biasiswa kepada pelajar yang layak dengan jumlah peruntukan RM3 juta bagi sesi pengajian tahun ini. Jumlah itu meningkat lebih 30 peratus berbanding RM750,000 tahun lalu.


• Dalam membentuk kerjaya

dan meningkatkan kualiti pendidikan anak-anak, ibu bapa perlu memainkan peranannya dalam memilih IPTA dan IPTS yang sesuai dengan program yang diikuti, selain kecenderungan yang tinggi serta kelayakan yang ada.

Sebelum membuat keputusan, adalah disarankan wajar jika ibu bapa membawa anak masing-masing berbincang dengan perunding pendidikan

atau kauselor di IPTS yang dipilih. Maklumat tambahan memberi peluang mereka mendapatkan gambaran jelas mengenai program ditawarkan.

Ini penting kerana walaupun anak mereka sudah dewasa dan mampu memilih program yang sesuai tetapi dalam masa yang sama, perhatian serta bimbingan ibu bapa masih diperlukan supaya mereka lebih yakin mengikuti pengajian.



**PRIHATIN:** Mohd Shukri berbual dengan wakil pelajar MSU yang mengikuti program lawatan sambil belajar ke Kemboja, baru-baru ini.